



[Home](#) / [2024](#) / [September](#) / Promosi Kursus Baharu di Hari Bertemu Pelanggan: UiTM Kukuhan Peranan Kokurikulum

GRU2025

27/09/2024 / Hasrol Jono



24 September 2024, Selasa – Pusat Kokurikulum, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UiTM telah mengadakan Mesyuarat Hari Bertemu Pelanggan bersama barisan penyelarasa kokurikulum bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Kokurikulum, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Mesyuarat ini adalah sebahagian daripada usaha Pusat Kokurikulum untuk memperkukuh perancangan dan pelaksanaan program kokurikulum yang dijalankan di universiti.

Mesyuarat ini khususnya memberi tumpuan kepada persediaan program Hari Bertemu Pelanggan Pusat Kokurikulum yang akan berlangsung pada 8 hingga 10 Oktober 2024. Acara tersebut dijadualkan bertempat di Bilik Seminar Pusat Kokurikulum, dengan matlamat utamanya adalah untuk memberikan pendedahan mendalam dan pemahaman mengenai kursus-kursus kokurikulum yang ditawarkan. Program ini juga berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan pelbagai kursus yang disediakan oleh Pusat Kokurikulum, terutamanya kepada para pelajar baharu yang akan memulakan pengajian bagi Semester Oktober 2024 hingga Februari 2025.



Dalam mesyuarat tersebut, pelbagai perincian mengenai program Hari Bertemu Pelanggan turut dibincangkan, termasuklah aktiviti-aktiviti yang akan diadakan untuk menarik minat pelajar, sesi penerangan tentang kursus kokurikulum, serta kaedah penyertaan pelajar baharu. Penyelaras kokurikulum dari pelbagai fakulti juga berkongsi pandangan dan cadangan untuk memastikan penganjuran program ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Selain daripada persiapan Hari Bertemu Pelanggan, mesyuarat ini juga menjadi medan perbincangan untuk merangka program dan kursus yang akan dijalankan sepanjang Semester Oktober 2024 hingga Februari 2025. Antara agenda utama adalah penambahan kursus-kursus baharu yang relevan dengan keperluan industri serta peningkatan kualiti kursus sedia ada untuk memberi nilai tambah kepada pelajar UiTM dalam pembelajaran kokurikulum.

Pusat Kokurikulum, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UiTM, komited untuk terus memperkasakan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum melalui program-program yang disusun rapi, bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran insaniah tetapi juga mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan yang relevan bagi menghadapi cabaran masa depan. Melalui mesyuarat ini, pihak Pusat Kokurikulum berharap dapat memperkukuh strategi pelaksanaan kursus kokurikulum yang lebih terarah, sistematik, dan bermanfaat untuk semua pelajar.

Penulis Utama:

Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Profesor Dr. Hj. Mohd. Sazili Shahibi

Penulis Bersama:

Nor Azlin Rosli, Mohd Shukor Abd Rahman, Dr Alwi Mohd Yunus, *Dr Basharudin Abdul Hadi*

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [hari bertemu pelanggan pusat kokurikulum](#), [jabatan hari niwa pelajar UiTM](#), [mesyuarat hari bertemu pelanggan](#), [pusat kokurikulum](#), [uitm shah alam](#), [universiti teknologi MARA \(UiTM\)](#)

← [Briged Sukarelawan UiTM Bawa Pulang RM13,000 Sempena Sincerely Setia Youth Synergy Programme Finale](#)

[Perlawanan Badminton Persahabatan Antara Fakulti : Merapatkan Hubungan Antara Staf](#) >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000

